



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

JMK 316 – Sastera Rakyat: Teori, Metodologi dan Analisis

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT** (4) soalan sahaja. Bahagian A wajib dijawab. Jawab **TIGA** (3) soalan daripada Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

Bahagian A (Wajib)

1. Sastera rakyat tidak lahir dalam kekosongan. Bincangkan dua (2) daripada tiga (3) teori sastera rakyat di bawah bagi meletakkan kedudukan sastera rakyat yang bernilai estetika.
 - (a) Teori Formula-Lisan (*Oral-Formulaic*)
 - (b) Teori Fungsional (*Functional*)
 - (c) Teori Dokumen Budaya (*Cultural Document*)(25 markah)

Bahagian B**Jawab TIGA (3) soalan sahaja.**

2. Terdapat beberapa aspek teori Fungsional (*Functional*) yang meletakkan sastera rakyat sebagai medium hiburan. Bincangkan dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.
 (25 markah)
3. Kaedah-kaedah menjalankan kerja di lapangan yang dinyatakan oleh Mohd Taib Osman dalam *Panduan Pengumpul Tradisi Lisan* (1976) merupakan asas penting untuk menjayakan sesebuah kajian. Bincangkan kepentingan kaedah-kaedah tersebut.
 (25 markah)
4. “Hatta, sa-telah sudah berkata-kata itu dan bertegohan setia-setiawan masing-masing Lanchang Kuning Seludang Mayang pun di-suroh oleh tuan puteri bongkar sauh dan Dendang Panjang pun dititahkan oleh Raja Anggun Che Tunggal Junjongan membongkar sauh juga. Maka angin paksa pun turun-lah, maka kedua kenaikan itu pun berlayar-lah masing-masing dengan haluan pendoman-nya menempoh lautan yang dalam harus deras. Sa-ketika belayar hari pun malam-lah, bulan pun terang seperti siang angin pun turun bersepui-sepui. Maka sangat-lah kesukaan hati tuan puteri Gondan Gandariah itu. Maka lanchang pun makin bertambah laju-nya.

Saperti puchok di-lancharkan,
Laksana kumbang putus tali,
Bagi belut di-gentas ekor.

Tiga hari tiga malam belayar itu masok-lah ka-kuala negeri Tiku Benua lalu-lah di-titah oleh tuan puteri oleh puteri memasang meriam sembilan kali langsung masok berlaboh kapada jambatan larangan itu” (*Hikayat Anggun Che Tunggal*, 1960:63).

Berdasarkan petikan di atas sejauh manakah karya ini berfungsi sebagai karya lipur lara maritim?

(25 markah)

...3/-

5. Cerita-cerita jenaka seperti “Pak Kaduk”, “Lebai Malang” dan “Nujum Pak Belalang” adalah antara cerita jenaka yang popular dalam masyarakat Melayu silam. Sejauh manakah cerita-cerita tersebut menjadi kritikan sosial masyarakat tersebut.

(25 markah)

6. Sebahagian daripada cerita rakyat, cerita Teladan “Si Tenggang” mengangkat konsep timbal balik. Bincangkan.

(25 markah)

- oooOooo -